

Makna Penutur dalam Ayat Teks Ucapan Tunku Abdul Rahman: Satu Analisis Teori Relevan

Wong Shia Ho

wsh@ipbl.edu.my

Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang

Abstrak

Dalam ucapan, makna sebenar daripada ayat yang diujarkan tidak semestinya mengikut penetapan nahu sahaja kerana makna ujaran juga dapat disampaikan secara implisit. Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi menganalisis ujaran implisit daripada pelbagai jenis ayat yang digunakan oleh Tunku Abdul Rahman (Perdana Menteri Malaysia Pertama) dalam ucapannya berdasarkan data korpus. Kajian ini menggunakan pendekatan pragmatik yang memanfaatkan Teori Relevans (TR). Teori ini menekankan peranan kognitif, iaitu melibatkan konteks, kesan konteks (kognitif) dan usaha memproses. Penggunaan TR amat berkesan dalam usaha mendapatkan makna penutur dalam ayat yang digunakan dalam ucapan. Di samping itu, dapat dikesan juga bahawa ayat yang digunakan dalam ucapan oleh Tunku tidak semestinya berfungsi sebagaimana yang dinyatakan dalam rumus tatabahasa.

Kata kunci makna penutur; jenis ayat; konteks; teori relevans.

Abstract

In speeches, the intended meanings of sentences does not only necessarily follow the setting of linguistics because of the meanings of utterances can also be conveyed implicitly. Therefore, the purpose of this study is to analyse the implicit utterances of various types of sentences used by Tunku Abdul Rahman (First Prime Minister of Malaysia) in speech based on corpus data obtained from Tunku's speech uses the pragmatic approach that applies the relevance theory (RT). This theory emphasizes the cognitive role, involving context, context effects (cognitive) and processing efforts. The use of RT is very effective in order to get speaker meaning in the sentences used in speech. Besides, it can be detected that the sentences used do not necessarily function as specified in the formula function grammar.

Keywords *speaker's meaning; sentence type; context; relevance theory.*

Pendahuluan

Jika dirujuk kepada definisi yang diberikan oleh Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa dan Abdul Hamid Mahmood (2008), ayat penyata bermaksud ayat yang diucapkan dengan maksud membuat satu pernyataan. Ayat penyata mempunyai tujuan menyatakan atau memberikan keterangan tentang sesuatu hal. Ayat jenis ini disebut juga sebagai ayat berita atau ayat keterangan. Ayat tanya pula digunakan untuk menanyakan sesuatu hal. Ayat perintah digunakan dengan tujuan menimbulkan sesuatu tindakan. Walau bagaimanapun, dalam komunikasi sebenar, didapati bahawa reaksi pendengar terhadap sesuatu ujaran tidak semestinya berlaku seperti yang dinyatakan dalam definisi tersebut. Sebagai contoh, ada kalanya ayat tanya yang diujarkan tidak mengharap apa-apa jawapan pun daripada pendengar. Bagaimanakah hal ini dapat diketahui? Jika hanya berdasarkan makna linguistik ayat tanya tersebut, memang sukar untuk menjelaskan hal ini. Oleh hal yang demikian, konteks penggunaan haruslah diteliti apabila menginterpretasikan sesuatu ujaran, khususnya apabila makna pada peringkat logiknya tidak membawa makna yang sebenar.

Pernyataan Masalah

Kajian tentang penggunaan ujaran implisit oleh tokoh politik dalam ucapan amat jarang dilakukan oleh pengkaji bahasa apatah lagi kajian yang melibatkan Tunku Abdul Rahman (Tunku), Perdana Menteri Malaysia Pertama sedangkan Tunku dikatakan sebagai “Pejuang Bahasa yang Ulung” oleh Tun Abdul-Rahman Ya’akub, Mantan Yang di-Pertua Negeri Sarawak dan Ketua Menteri Sarawak (dalam Armin Azhari Saleh, 2004). Oleh itu, kajian ini amat wajar dilakukan bagi melihat fenomena penggunaan ujaran implisit dalam pelbagai jenis ayat oleh “Pejuang Bahasa yang Ulung” itu kerana kajian-kajian lepas telah menunjukkan bahawa jenis ayat tidak semestinya berdasarkan definisi peringkat nahu semata-mata. Kajian ini dilakukan juga sebagai memperkaya kajian terhadap tokoh negara ini kerana kajian sebelum ini banyak berkisar tentang perjuangan dan sumbangan Tunku sebagai pemimpin negara. Kajian ini turut memperlihatkan aspek-aspek penting dalam komunikasi iaitu: (a) tanggungjawab penutur memastikan ujaran yang bermanifestasi; (b) kepentingan pentafsiran makna secara pragmatik khususnya penggunaan TR yang dapat menyelesaikan kekaburan yang timbul dalam ujaran dengan

bantuan konteks yang dibekalkan oleh penutur; (c) jenis-jenis ayat yang diujarkan dalam ucapan politik tidak semestinya mengikut definisi yang diberikan pada peringkat nahu.

Makna Penutur

Maslida Yusof (2007) menyatakan dalam komunikasi, makna yang disampaikan bukan sahaja berbentuk literal tetapi ada kalanya disampaikan dalam bentuk bukan literal. Jadi, untuk memahami antara bahasa literal dan bahasa bukan literal, perbezaan seharusnya melibatkan dua bentuk makna, iaitu makna ayat dan makna penutur. Makna ayat secara tradisinya didefinisikan sebagai bebas konteks, iaitu makna literal bagi perkataan itu sendiri sementara makna penutur merupakan makna sebenar yang ingin disampaikan oleh penutur (interpretasi ujaran).

Siti Hajar Abdul Aziz (2009) pula menyatakan makna penutur mempunyai jangkauan yang lebih luas. Makna penutur merujuk makna sebenar yang ingin diperkatakan oleh penutur sama ada secara harfiah atau tidak. Makna penutur atau dalam bahasa Inggeris disebut *speaker meaning* merupakan makna sebenar yang hanya diketahui oleh penutur dan ia amat berkait rapat dengan konteks. Dalam erti kata bahawa kita tidak akan tahu makna sebenarnya yang tersirat dalam minda penutur jika kita tidak melihat konteks pertuturan itu berlaku. Makna ujaran atau dalam bahasa Inggeris *utterance meaning* mempunyai dua aras, iaitu jika ia mengabaikan konteks, bermakna kita memproses ujaran itu menggunakan asas linguistik semata-mata, maka ia samalah seperti makna ayat. Sebaliknya jika makna ujaran itu diproses dengan mempertimbangkan konteks ia diujarkan, maka ini bermakna ia merujuk kepada makna sebenar.

Menurut Siti Hajar Abdul Aziz (2009:279) lagi, sesetengah ahli pragmatik (Grundy, 1995; Verschueren, 1999) menggunakan istilah makna implisit bagi menggantikan makna penutur yang merujuk kepada makna yang tidak dinyatakan secara terus oleh penutur. Mereka menyatakan dalam perbualan seharian, penutur kadangkala sengaja memilih untuk menuturkan ujaran yang mengandungi makna implisit bagi mengelakkan tanggapan negatif pendengar atau untuk tujuan tidak menjejaskan orang lain.

Dengan berdasarkan pandangan di atas, dapat dirumuskan bahawa makna penutur merupakan makna sebenar yang dihajati oleh

penutur. Makna penutur harus ditentukan oleh konteks ujaran. Jika makna tersebut selaras dengan konteks penggunaannya, maka itulah makna penutur.

Tinjauan Literatur

Schiffirin (1994) (dalam Ahmad Mahmood Musanif, 2000:1319) menyatakan bahawa sesuatu ujaran dengan struktur ayat tanya bukan sahaja mendukung makna pertanyaan, tetapi juga membawa makna permintaan dan ajakan. Hal ini bermakna bahawa suatu ayat tanya itu dapat mendukung makna pertanyaan dan pelbagai makna lain seperti ajakan atau pelawaan.

Asmah Haji Omar (1986) turut membincangkan pertumbuhan dan perkembangan bahasa kanak-kanak Melayu. Beliau menyatakan bahawa kanak-kanak juga seperti orang dewasa yang menggunakan ayat berita atau ayat penyata untuk menyampaikan maksud perintah atau permintaan. Orang dewasa pula apabila bertanya tidak selalunya mereka mengkehendaki jawapan kepada yang belum diketahui oleh mereka. Kadang-kadang pertanyaan itu hanya bertujuan mengesahkan perkara yang sudah diketahui oleh mereka, kadang-kadang untuk mengesahkan perkara yang sudah diketahui oleh pihak pendengar (seperti dalam ucapan-ucapan yang bersifat politik), kadang-kadang untuk menyuruh, dan ada kalanya hanya untuk tujuan mengejek. Sebagai contoh, dalam bahasa orang dewasa, “buat apa?” yang mempunyai satu bentuk lahir sebenarnya mempunyai berbagai-bagai makna menurut konteks ungkapan itu diwujudkan. Daripada itu jika kita mendengar orang dewasa mengucapkan ungkapan itu, makna yang dibawanya boleh jadi “untuk apa”, yakni yang meminta jawapan yang berupa tujuan sesuatu perbuatan, atau “sebab apa”, yang meminta jawapan sebab musabab, atau juga “sedang buat apa?”

Sperber & Wilson (1986) (dalam Nor Hashimah Jalaluddin, 1992a:883) menyatakan bahawa jika kita melihat ayat itu dari sudut semantik semata-mata, hasilnya tidak memuaskan kerana pendefinisian yang terhad disebabkan semantik amat terikat kepada kekangan nahu sedangkan dalam menyatakan sesuatu perintah atau pertanyaan, banyak faktor terlibat, iaitu selain faktor nahu, faktor bukan nahu (faktor kehendak) juga terlibat. Oleh sebab itu, Nor Hashimah Jalaluddin (1992a) mencadangkan keperluan melihat definisi imperatif dan interogatif semula dan tidak semata-mata

mengikut penetapan nahu sahaja. Menurut beliau, pendefinisian yang ada tentang imperatif dan interogatif oleh para penahu dapat diperluas dan diperkemas. Dalam kajian, beliau membuktikan bahawa imperatif dan interogatif tidak hanya berfungsi pada peringkat nahu.

Menurut Siti Hajar Abdul Aziz (2009), salah satu cara untuk menjadikan permintaan atau arahan yang kita lakukan nampak lebih sopan dan beradab adalah dengan mengemukakan permintaan dalam bentuk pertanyaan. Hal ini dapat dilihat dalam kajian Ahmad Mahmood Musanif (1998) yang menunjukkan bahawa ayat tanya dalam novel "Salina" telah digunakan bukan sahaja sebagai pertanyaan tetapi sebagai pengungkap pelbagai maksud yang lain seperti permintaan, pernyataan, pengesahan, ajakan, nasihat, amaran dan pelarian. Tindak balas kepada urutan tanya-jawab juga mendukung pelbagai kemungkinan maksud seperti jawapan, persetujuan, penerimaan, penolakan dan ketidakendahan. Tindak balas ini pula diperluas dan diberi penerangan lanjutan oleh pendengar. Dalam kajian tersebut, beliau menyimpulkan bahawa maksud penutur dan pendengar harus diambil kira dalam menentukan maksud sebenar sesuatu bentuk bahasa kerana bahasa yang realistik ialah bahasa yang digunakan dalam kalangan penutur dan pendengar dalam komunikasi seharian.

Kaedah Kajian

Kajian ini merupakan kajian deskriptif dengan mendedahkan fenomena penggunaan ujaran implisit dalam ayat bagi menyampaikan mesej. Kajian ini merupakan kajian korpus dengan data kajian diambil daripada teks ucapan Tunku yang diperoleh daripada Jabatan Arkib Negara Malaysia (teks ucapan yang terlibat akan dinyatakan dalam analisis). Satu sampel data bagi setiap jenis ayat (ayat penyata, ayat tanya, ayat perintah) diambil untuk dianalisis dengan menggunakan TR yang menekankan kepentingan konteks dalam penginterpretasian ujaran implisit.

Teori Relevans

Teori Relevans diasaskan oleh Dan Sperber dan Deidre Wilson melalui buku '*Relevance Communication and Cognition* (1986). Menurut Nor Hashimah Jalaluddin (1992b), prinsip relevan lebih menekankan bentuk komunikasi yang dapat difahami antara penutur

dan pendengar. Selain itu, penutur seharusnya dapat menjamin yang diperbual itu benar-benar relevan serta sesuai untuk difahami oleh pendengar. Dengan kata lain, penutur dapat memastikan yang diperkatakan itu mempunyai ciri relevan yang optimal. Relevan yang optimal bermaksud setiap ujaran itu mempunyai kesan konteks yang maksimum yang dapat dirumuskan dalam masa sesingkat mungkin. Dengan itu, konteks haruslah seimbang dengan masa memproses bagi menghasilkan kandungan maklumat yang diharapkan.

Tiga konsep penting yang ditekankan oleh TR dalam pentafsiran makna ialah konteks, kesan konteks dan kos/usaha memproses.

Konteks ialah seberkas andaian tentang dunia yang dibina secara psikologi oleh pendengar. Konteks tidak terhad kepada maklumat tentang persekitaran fizikal yang paling dekat dan ujaran yang terdahulu yang paling hampir. Konteks juga melibatkan masa depan, hipotesis saintifik atau kepercayaan keagamaan, kenangan lucu, andaian am tentang budaya dan kepercayaan terhadap pemikiran si penutur. Kesemuanya memainkan peranan dalam interpretasi ujaran (Sperber & Wilson, 1986) (dalam Nor Hashimah Jalaluddin, 2007:49).

Menurut Zaitul Azma Zainon Hamzah (2006); Zaiton Ismail (2003); Nor Hashimah Jalaluddin (1991;2007), kesan konteks atau kesan kognitif ialah andaian awal yang ada pada pendengar tentang maklumat yang relevan dengan diri pendengar. Kesemuanya tersimpan sebagai catatan ensiklopedia penutur dan pendengar. Apabila kesemuanya mendapat maklumat konteks dalam ujaran penutur, maklumat itu akan diproses tiga cara, sama ada digabungkan, dikukuhkan atau digugurkan dengan konteks sebenar sesuatu ujaran untuk mendapatkan kesan konteks yang tinggi. Tiga cara memperoleh kesan konteks ialah;

1. Menggabungkan dengan konteks yang sedia ada;
2. Menguatkan andaian yang sedia ada;
3. Berlaku pertentangan maklumat dan menggugurkan andaian lemah yang wujud.

Menurut Nor Hashimah Jalaluddin (2007), dalam menginterpretasikan ujaran, selain kesan konteks dan konteks yang melatari perbualan, usaha memproses maklumat juga harus dititikberatkan. Usaha memproses ialah usaha yang terlibat dalam menginterpretasi makna ujaran. Usaha memproses ini merujuk usaha

memproses maklumat oleh pendengar. Bagi penutur pula, usaha memproses juga penting untuk memastikan ujarannya boleh difahami dengan mudah oleh pendengar. Mengikut definisi relevans, semakin rendah usaha memproses maklumat, maka semakin relevanlah sesuatu ujaran.

Dapatan Kajian

Analisis TR terhadap Data (1) Ayat Penyata : “Saya hanya satu kepala, satu hati dan dua belah tangan untuk menjalankan kerja yang amat berat ini”.

Data (1) ini terdapat dalam “Julung-julung Ucapan Y.T.M Tunku Abdul Rahman Putra Selepas Dipilih Menjadi Yang Dipertua UMNO Malaya dalam Persidangan Agung UMNO yang diadakan di Kuala Lumpur pada 26 dan 27 Ogos 1951” .

Data (1) ini iaitu “Saya hanya satu kepala, satu hati dan dua belah tangan untuk menjalankan kerja yang amat berat ini” merupakan ayat penyata iaitu bertujuan memberitahu sesuatu jika dilihat dari segi jenis ayat yang dikemukakan oleh rumus tatabahasa. Didapati bahawa data ini mengandungi makna implisit.

Beberapa perkataan atau frasa penting dalam data (1) ini dikemukakan pada peringkat makna harfiahnya berdasarkan Kamus Dewan (2005) bermaksud seperti berikut;

- Kerja – (1) usaha (kegiatan, urusan) yang bertujuan untuk menghasilkan menyelesaikan, menyediakan dan sebagainya) sesuatu; (2)= pekerjaan- sesuatu yang diusahakan (dilakukan berterusan) kerana mencari nafkah; (3) (segala) tugas atau urusan
- Berat – (1) tekanan benda (apabila ditimbang), ukuran timbangan (sesuatu); (2) tidak ringan, mempunyai tekanan yang kuat (kalau ditimbang); (3) sukar dilakukan, diselesaikan dan sebagainya)

Dengan berdasarkan makna linguistik yang dikemukakan di atas, ungkapan bagi data (1) ini diringkaskan sebagai bermaksud “Pengucap mempunyai satu (bilangan) bahagian/anggota tubuh untuk menjalankan urusan yang sukar dilakukan ini”.

Makna linguistik ini didapati tidak selaras dengan konteks ujaran. Hal ini kerana sesiapa pun mengetahui bilangan anggota badan yang dimiliki oleh manusia. Jadi, pendengar sedar bahawa pengucap tentu bukan hendak memperkatakan sesuatu yang remeh-temeh iaitu tentang bilangan anggota tubuh badan dirinya dalam majlis yang begitu penting, iaitu Persidangan Agung UMNO. Pendengar juga sedar bahawa pengucap sudah tentu ingin menyampaikan sesuatu maksud yang lebih jauh daripada makna linguistiknya. Dengan kata lain, makna linguistik yang dikemukakan bukanlah makna yang ingin disampaikan oleh Tunku kerana makna linguistik tersebut banyak meninggalkan ketaksaan. Melalui TR, makna sebenar data (11) ini dapat diketahui.

Terlebih dahulu, ungkapan yang mempunyai ayat (data 1) ini dikemukakan seperti di bawah;

- 1 Dan inilah yang saya katakan takdir Tuhan yang saya tidak dapat
- 2 elakkan. Tetapi sungguhpun begitu tiadalah saya menyangka hendak
- 3 menjadi Yang Dipertua UMNO Malaya.

- 4 Saya sedar barang siapa yang memegang jawatan ini hendaklah
- 5 ia mempunyai sifat-sifat keberanian, kepandaian, kesetiaan,
- 6 keimanan, kesabaran dan lain-lain sifat lagi yang tinggi. Pada
- 7 halnya saya ini adalah seorang yang daif. Apalah agaknya yang
- 8 ada pada saya yang tidak ada pada saudara-saudara sekalian?! Saya
- 9 sedar bahawa saya terima jawatan ini daripada seorang penganjur
- 10 Melayu yang terkenal sekali dalam zaman ini, bukan sahaja di
- 11 dalam Tanah Melayu malahan di merata-rata tempat.
- 12 **Saya hanyalah mempunyai satu kepala, satu hati dan dua belah**
- 13 **tangan untuk menjalankan kerja yang amat berat ini.** Pada hal
- 14 di dalam menuju kepada cita-cita dan maksud UMNO dan umat
- 15 Melayu adalah berkehendakkan beribu-ribu kepala serta beribu-
- 16 ribu hati dan beratus-ratus tangan dikumpulkan menjadi satu untuk
- 17 mendapatkan faedah-faedah dan mencapai cita-cita kita itu.
- 18 UMNO ini adalah sebuah Pertubuhan Kebangsaan Melayu yang
- 19 sebenar-benarnya bertujuan dan berdasarkan kepada memelihara
- 20 bangsa dan tanah air Melayu supaya kita menjadi setaraf dengan lain-

Bagi membantu menginterpretasi makna sebenar data (1), kajian ini turut mengemukakan ringkasan ucapan. Ucapan ini merupakan ucapan julung kalinya disampaikan oleh Tunku setelah menjadi Yang

Dipertua UMNO menggantikan Dato' Onn bin Jaafar. Dalam ucapan, Tunku menyatakan sebagai Yang Dipertua UMNO ini, seseorang itu perlu mempunyai segala sifat keberanian, kepandaian, kesetiaan, keimanan, kesabaran dan sifat-sifat lain yang tinggi sedangkan dirinya seorang hamba Allah yang bersifat daif. Tunku juga menyatakan dirinya hanyalah mempunyai satu kepala, satu hati dan dua belah tangan untuk menjalankan kerja yang amat berat ini. Di samping itu, Tunku menyatakan UMNO ialah sebuah Pertubuhan Kebangsaan Melayu yang sebenar-benarnya bertujuan dan berdasarkan usaha memelihara bangsa dan tanah air Melayu supaya setaraf dengan umat lain yang bebas merdeka di seluruh dunia ini. Tunku turut menyentuh perkara kemerdekaan kerana negara jiran seperti Siam, Ceylon, Indonesia dan Filipina telah merdeka. Tunku menyatakan hasrat untuk duduk sebelah-menyebelah dengan mereka.

Sebagai proses bagi mendapatkan makna sebenar dalam konteks ujaran, beberapa kekaburan yang wujud dalam data (1) ini perlu diselesaikan terlebih dahulu. Perhatikan data (1) seperti di bawah;

Saya hanyalah mempunyai satu kepala, satu hati dan dua belah tangan untuk menjalankan kerja yang amat berat ini (Baris 11-12).

Dengan berdasarkan ujaran di atas, beberapa frasa penting yang bergaris perlu dijelaskan kerana kabur dari segi maksudnya:

- a. Siapakah yang dirujuk oleh kata ganti nama diri “saya”?
- b. Apakah yang dirujuk dengan “kerja yang amat berat ini”?

Anteseden kepada kedua-dua kekaburan ini tidak dapat ditentukan dalam ujaran tersebut secara eksplisit. Oleh itu, pencarian antesedennya perlu dilakukan secara pragmatik. Bagi menyelesaikan kekaburan ini, Rangka Rujuk Silang (RRS) yang terkandung dalam TR digunakan. Penggunaan kata ganti nama diri “saya” jika dirujuk kepada rumus tatabahasa membawa maksud “kata ganti bagi diri orang yang bercakap”. Oleh itu, kata ganti nama diri “saya” dalam konteks ucapan merujuk Tunku. Hal ini dapat diketahui melalui tajuk ucapan iaitu “Julung-julung Ucapan Y.T.M Tunku Abdul Rahman Putra Selepas Dipilih Menjadi Yang Dipertua UMNO Malaya Dalam Persidangan Agung UMNO yang diadakan di Kuala Lumpur pada 26 dan 27 Ogos 1951”. Nama penuh Tunku yang tertera dalam tajuk

ucapan cukup memberikan anteseden kepada kata ganti nama diri “saya” dalam ujaran tersebut. Pendengar tidak menghadapi masalah untuk mengetahui orang yang dimaksudkan dengan kata ganti nama diri “saya” itu kerana pendengar berdepan dengan Tunku ketika ucapan berlangsung.

Apakah pula yang dimaksudkan oleh Tunku dengan “kerja yang amat berat ini”? Setelah kata ganti nama diri “saya” diketahui sebagai merujuk “Tunku”, maka dapatlah diketahui juga bahawa Tunku yang “menjalankan kerja yang amat berat ini”. Walau bagaimanapun, “kerja yang amat berat ini” jika hanya dilihat sebagai maksud “pekerjaan yang sukar dilakukan”, makna ini tidak jelas dalam konteks kerana makna linguistik ini hanya makna pada peringkat permukaan. Konsep bagi makna “kerja yang berat” perlu diperkaya kerana maknanya masih kabur, “kerja berat” boleh jadi “bekerja sebagai kuli, sebagai tukang kebun dan sebagainya”. Melalui RRS, pencarian anteseden kepada “kerja yang berat ini” dapat diperoleh jika dirujuk kepada ujaran terdahulu. Dalam ujaran terdahulu, ada disebut “tiadalah saya menyangka hendak menjadi Yang Dipertua UMNO Malaya” (baris 2-3). Jadi, pendengar dapat mengaitkan “kerja yang berat” dengan jawatan “Yang Dipertua UMNO”. Dengan ini “kerja yang berat ini” yang dimaksudkan oleh Tunku ialah “jawatan sebagai Yang Dipertua UMNO”. Mengapakah Tunku menyatakan jawatan sebagai Yang Dipertua UMNO sebagai “kerja yang berat”? Hal ini kerana Tunku sebagai Yang Dipertua UMNO (Ketua Pemimpin) sudah tentu memikul tanggungjawab yang berat. Anteseden kepada “kerja yang berat” ini muncul dalam ujaran wujud selepasnya iaitu “...memelihara bangsa dan tanah air Melayu supaya kita setaraf dengan lain-lain umat yang bebas merdeka di seluruh dunia ini” (Baris 18-20). Melalui konteks ujaran, jelas menunjukkan bahawa Tunku menyatakan bahawa “jawatan sebagai Yang Dipertua UMNO merupakan kerja yang berat” kerana perlu memastikan bangsa Melayu setaraf dengan bangsa lain”.

Apakah pula kaitan “Saya hanyalah mempunyai satu kepala, satu hati dan dua belah tangan” dengan “kerja yang berat ini”?

Kajian ini mendapati bahawa ada unsur pertentangan dalam data (1). Unsur pertentangan ini dapat dilihat apabila ayat “saya hanyalah mempunyai satu kepala, satu hati dan dua belah tangan” dihubungkan dengan frasa keterangan “untuk menjalankan kerja yang amat berat

ini”. Penggunaan kata penegas “hanyalah” dalam data (1) apabila dirujuk kepada Kamus Dewan (2005) bermaksud “cuma atau tidak lebih daripada itu” secara sendirian tidak menampakkan sebarang kekurangan yang ada pada Tunku tetapi apabila dihubungkan dengan frasa “untuk menjalankan kerja yang amat berat ini”, di sinilah berlaku pertentangan. Unsur pertentangan ini dapat dikesan melalui pengetahuan sedia ada pendengar/pembaca kerana pendengar/pembaca pada kebiasaannya mengetahui “kerja yang berat” sukar dilakukan oleh tenaga seorang atau “tulang empat kerat” sahaja. Dalam masyarakat Melayu, penggunaan peribahasa seperti “yang ringan sama dijinjing, yang berat sama dipikul” dapat menggambarkan masyarakat Melayu yang amat mementingkan semangat kerjasama dalam kehidupan seharian. Dengan kata lain, data (1) tidak akan ditafsir oleh pendengar sebagaimana makna linguistiknya, sebaliknya, pada peringkat/lapisan ini, pendengar mendapat makna bagi data (1) sebagai “Tunku menyatakan dirinya mempunyai bilangan anggota badan seperti kebanyakan orang untuk menjalankan tanggungjawab sebagai pemimpin UMNO”. Makna ini masih lagi perlu diterokai secara mendalam kerana ada makna di sebalik kata-kata tersebut. Bagi mendapatkan makna tersirat data (1) ini, maka dikemukakan andaian-andaian pembaca terhadap ujaran tersebut;

- Andaian: a. Tunku menyatakan kemampuannya terbatas untuk memimpin UMNO
b. Sokongan orang Melayu amat diperlukan untuk mencapai cita-cita UMNO
c. Tunku berjuang bersendirian selama ini

Mengikut TR, pendengar akan memproses andaian yang paling relevan dengan mereka daripada andaian-andaian yang dikemukakan di atas. Hal ini selaras dengan pendapat Muhammad Fauzi Jumingan (2003) yang menyatakan bahawa andaian yang mempunyai kerelevanan optimal sahaja yang akan diproses. Andaian-andaian yang lemah akan digugurkan. Oleh itu, andaian (a) “Tunku menyatakan kemampuannya terbatas untuk memimpin UMNO” merupakan makna sebenar yang ingin disampaikan oleh Tunku. Makna implisit bagi data (1) mudah diketahui dan diperolehi dalam masa yang singkat kerana andaian (a) ini dapat menimbulkan kesan kognitif yang tinggi apabila dirujuk kepada pengetahuan sedia ada pendengar yang mengetahui

bahawa tugas/kerja yang berat memang sukar dilakukan dengan tulang empat kerat kerana kemampuan manusia terbatas. Di sini, peranan kognisi pendengar/pembaca amatlah penting untuk mengaplikasikan pengetahuan sedia ada mereka dalam konteks baharu.

Kerelevanan andaian (a) juga dapat dilihat jika dirujuk kepada ujaran terdahulu. Ujaran-ujaran terdahulu (seperti di bawah) dapat membantu pendengar menginterpretasi data (1) kerana anteseden kepada data (1) ini wujud lebih awal. Pengesanan anteseden ini dilakukan secara pragmatik.

Saya sedar barang siapa yang memegang jawatan ini hendaklah ia mempunyai sifat-sifat keberanian, kepandaian, kesetiaan, keimanan, kesabaran dan lain-lain sifat lagi yang tinggi. Padahalnya saya ini adalah seorang yang daif. Apalah agaknya yang ada pada saya yang tidak ada pada saudara-saudara sekalian?! (Baris 4-8)

Ujaran terdahulu di atas telah dapat memperkukuh andaian (a) iaitu “Tunku menyatakan kemampuannya terbatas untuk memimpin UMNO”. Hal ini kerana pada ujaran terdahulu, Tunku telah menyatakan tahap kemampuannya untuk memimpin UMNO. Melalui ujaran “barang siapa yang memegang jawatan ini hendaklah ia mempunyai sifat-sifat keberanian, kepandaian, kesetiaan, keimanan, kesabaran dan lain-lain sifat lagi yang tinggi”. Di sini jelas menunjukkan Tunku menyifatkan kelayakan yang perlu dimiliki oleh seseorang pemimpin (pemimpin UMNO) adalah tinggi. Pada ujaran “saya ini adalah seorang yang daif” pula, Tunku mengaku kekurangan ada padanya. Hal ini dapat diketahui kerana mengikut Kamus Dewan (2005), “daif” membawa maksud cacat, hina dan lemah. Abdullah Hassan & Ainon Mohd (2002) pula menyatakan maksud “daif” sebagai “bangsat, fakir, kedana, melarat, merempat, miskin, papa, susah, tak berharta”. Ternyata ujaran terdahulu ini dapat menjadi anteseden kepada data (1) kerana menunjukkan kekurangan diri Tunku (satu kepala, satu hari dan dua belah tangan) menghadapi sesuatu keadaan yang menuntut kepemimpinan yang tinggi (keberanian, kepandaian, kesetiaan, keimanan, kesabaran dan lain-lain). Keadaan ini dapat digambarkan seperti di sebelah;

Ujaran terdahulu : memegang jawatan ini hendaklah ia mempunyai sifat-sifat keberanian, kepandaian, kesetiaan, keimanan, kesabaran dan lain-lain sifat yang tinggi, padahalnya saya ini adalah seorang yang **daif**. *Apalah agaknya yang ada pada saya yang tidak ada pada saudara-saudara sekalian?!*

Kepemimpinan yang tinggi

Kekurangan diri sebagai manusia

Data (11) : Saya hanyalah mempunyai **satu kepala, satu hati, dan **dua belah tanangan** untuk melakukan kerja yang berat ini.**

Maksud tentang “kekurangan diri untuk memikul tanggungjawab yang berat ini” diperkukuh dengan ayat tanya “*Apalah agaknya yang ada pada saya yang tidak ada pada saudara-saudara sekalian?!*” bagi menggayakan maklumat kepada pendengar untuk memproses data (1). Kajian ini mendapati bahawa ujaran “Apalah agaknya yang ada pada saya yang tidak ada pada saudara-saudara sekalian?!” dari segi bentuk logiknya berupa pertanyaan Tunku kepada pendengar (ahli-ahli UMNO) yang bermaksud “pertanyaan kiranya sesuatu yang dapat ditemukan daripada Tunku yang tidak ada ditemukan daripada pendengar”. Kajian ini mendapati bahawa makna linguistik bagi ujaran tersebut bukanlah makna yang sebenarnya kerana apabila dirujuk kepada konteks ujaran. Tunku bukanlah mengharapkan jawapan daripada pendengar dengan menyenaraikan apa-apa perbezaan antara Tunku dengan pendengar. Hal ini kerana Tunku yakin bahawa pendengar akan mendapat kesimpulannya bahawa diri Tunku dan mereka (pendengar) memiliki ciri-ciri atau sifat-sifat yang sama sebagaimana ciri-ciri seorang manusia. Tunku yakin bahawa ujaran tersebut mudah diproses dan difahami oleh pendengar sebagai “sama-sama sebagai manusia yang ada kekurangan”.

Dengan menggunakan RRS, jelaslah bahawa terdapat persamaan antara data (1) dengan ujaran-ujaran terdahulu di atas. Frasa “sifat-sifat keberanian, kepandaian, kesetiaan, keimanan, kesabaran dan lain-lain sifat yang tinggi” dan “kerja yang berat” menuntut keupayaan yang tinggi daripada seseorang, sedangkan manusia mempunyai kekurangan

diri sebagaimana digambarkan melalui ujaran “hanyalah mempunyai satu kepala, satu hati, dan dua belah tangan” dan “seorang yang daif”. Kekurangan tersebut dimiliki oleh Tunku dan pendengar yang lain. Hal ini berada dalam pengetahuan sedia ada pendengar. Pendengar mengetahui bahawa sebagai manusia, kemampuan kita terbatas apabila melakukan sesuatu yang lebih berat daripada kebiasaannya. Hal ini kerana menurut Muhammad Salih Samak (1980), Tuhan telah menjadikan manusia bersifat lemah dalam mengendalikan hawa nafsu. Sebab itu, manusia sangat berhajat kepada pertolongan iman dan agama untuk memandu keluar daripada kegelapan yang menakutkan itu. Kajian ini meluaskan lingkungan makna “bersifat lemah” tersebut, iaitu bukan sahaja lemah mengawal hawa nafsu tetapi juga aspek fizikal manusia yang terhad dalam melaksanakan tugas-tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan kepadanya. Dengan berdasarkan kata-kata Ibnu Khaldun iaitu “Suatu tabiat semula jadi manusia ialah hidup bermasyarakat”, Muhamad Salih Samak (1980) pula menyatakan bahawa memang manusia mempunyai tabiat semula jadi, iaitu suka hidup bermasyarakat. Mereka bergotong-royong untuk menghasilkan keperluan hidup kerana manusia tidak mungkin mencapai segala keperluan hidup dan tidak dapat mengatasi segala tanggungan hidup tanpa pertolongan orang lain dalam seluruh masyarakat setempat. Pengetahuan sedia ada pendengar ini telah menambahkan kerelevanan andaian “Tunku menyatakan kemampuannya terbatas untuk memimpin UMNO” sebagai makna yang sebenar.

Apabila Tunku mengujarkan “Saya hanyalah mempunyai satu kepala, satu hati dan dua belah tangan untuk menjalankan kerja yang amat berat ini”, pendengar dapat memahami maksud sebenar Tunku kerana ujaran-ujaran terdahulu telah memberikan maklumat awal kepada pendengar bahawa Tunku menyedari kelemahan dirinya untuk mencapai sifat-sifat tinggi seseorang pemimpin yang dimaksudkan oleh Tunku sendiri. Oleh itu, andaian (a) yang paling hampir dengan maklumat awal tersebut menjadi paling relevan kerana kesan kognitif yang tinggi berjaya ditimbulkan oleh ujaran-ujaran terdahulu. Kesan penguatan maklumat antara andaian (a) dengan ujaran-ujaran terdahulu di atas menyebabkan usaha memproses data (1) ini rendah. Menurut Nor Hashimah Jalaluddin (1990: 457), kadang-kadang konteks bagi ujaran yang terdahulu mencukupi bagi membekalkan maklumat yang dikehendaki oleh pendengar untuk memproses kesan konteksnya.

Selain ujaran terdahulu, kesahan andaian (a) sebagai makna sebenar juga dapat dibuktikan melalui penguatan maklumat oleh

ujaran wujud selepasnya. Perhatikan ujaran wujud selepasnya seperti di bawah;

Saya hanyalah mempunyai satu kepala, satu hati dan dua belah tangan untuk menjalankan kerja yang amat berat ini....

Pada hal di dalam menuju kepada cita-cita dan maksud UMNO dan umat Melayu adalah berkehendakkan beribu-ribu kepala serta beribu-ribu hati dan beratus-ratus tangan dikumpulkan menjadi satu untuk mendapatkan faedah- faedah dan mencapai cita-cita kita itu (Baris 11-16)

Apakah yang dimaksudkan dengan frasa “beribu-ribu kepala serta beribu-ribu hati dan beratus-ratus tangan”? Setelah dirujuk kepada data “Saya hanyalah mempunyai satu kepala, satu hati dan dua belah tangan” bahawa “kepala, hati dan tangan” ini merujuk anggota badan yang dimiliki oleh seorang manusia. Begitu juga dalam frasa “...dalam menuju kepada cita-cita dan maksud UMNO dan umat Melayu berkehendakkan beribu-beribu kepala serta beribu-ribu hati dan beratus-ratus tangan” dapat membantu pendengar memahami bahawa kata “kepala, hati, tangan” ialah manusia kerana UMNO ialah Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu, institusi yang mewakili manusia. Jadi, “beribu-ribu kepala serta beribu-ribu hati dan beratus-ratus tangan” menunjukkan jumlah manusia yang banyak. Dalam konteks ucapan tersebut, untuk melaksanakan tanggungjawab UMNO yang berat ini, tenaga yang dimiliki oleh seorang sahaja adalah tidak mencukupi, sebaliknya memerlukan anggota yang banyak. Oleh yang demikian, “berkehendakkan beribu-ribu kepala serta beribu-ribu hati dan beratus-ratus tangan” yang diujarkan oleh Tunku dapat dijadikan anteseden kepada “Saya hanyalah mempunyai satu kepala, satu hati dan dua belah tangan untuk menjalankan kerja yang amat berat ini”. Hal ini kerana, makna sebenar data (1) ini ialah “Tunku menyatakan kemampuannya terbatas untuk memimpin UMNO”, oleh sebab itu, Tunku mengujarkan “...dalam menuju kepada cita-cita dan maksud UMNO dan umat Melayu adalah berkehendakkan beribu-ribu kepala serta beribu-ribu hati dan beratus-ratus tangan dikumpulkan menjadi satu untuk mendapatkan faedah-faedah dan mencapai cita-cita kita itu” bagi mendapatkan sokongan orang Melayu. Ujaran yang wujud selepasnya ini merupakan maklumat baharu telah menguatkan andaian (a) “Tunku menyatakan kemampuannya terbatas untuk memimpin UMNO” sebagai makna yang sebenar yang ingin disampaikan oleh

Tunku. Andaian (a) bagi data (1) ini amat bermanifestasi kerana mempunyai banyak maklumat konteks. Andaian ini bukan sahaja mendapat konteks daripada pengetahuan sedia ada pendengar/pembaca, ujaran terdahulu dan ujaran wujud selepasnya juga didapati telah memperkukuh andaian ini sehingga meninggalkan kesan konteks yang tinggi. Hasilnya usaha memproses data (1) ini menjadi rendah. Andaian-andaian lain yang lemah digugurkan kerana bertentangan dengan konteks ujaran.

Data (1) ini meskipun dilihat sebagai ayat penyata, iaitu memberitahu bilangan anggota badan yang dimiliki untuk menjalankan tanggungjawabnya sebagai Yang Dipertua UMNO tetapi apabila dihalusi, kajian ini mendapati bahawa ayat penyata ini bertindak sebagai ayat perintah iaitu berupa ayat permintaan. Tunku menggunakan ujaran yang berbentuk ayat penyata untuk membawa maksud perintah atau permintaan. Tunku meminta pendengar khususnya ahli-ahli UMNO supaya memberikan sokongan dalam perjuangan mencapai cita-cita UMNO.

Tunku sedar akan kelemahan diri sebagai manusia biasa untuk memimpin UMNO apatah lagi UMNO pernah dipimpin oleh Dato' Onn Jaafar. Ramlah Adam (2004) mengatakan bahawa Tunku menganggap Dato' Onn sebagai pemimpin Melayu yang ulung kerana kepimpinannya dalam menyatukan orang Melayu menentang Malayan Union dan sumbangannya dalam penubuhan UMNO.

Harapan Tunku untuk mendapatkan sokongan ahli-ahli UMNO jelas dalam ungkapan seperti di bawah;

Saya menerima sepucuk surat daripada Datuk Abdul Razak yang meminta saya mengambil alih pucuk pimpinan UMNO. Saya menjawab dengan mengatakan bahawa saya memang bersetuju berbuat begitu dengan syarat anggota-anggota UMNO memainkan politik jujur dan bukannya berkelakuan seperti seekor monyet di atas tiang. Maksud saya bahawa mereka harus tetap menjadi penyokong kuat parti serta setia kepadanya. Kalau mereka tidak bersedia tenggelam timbul bersama-sama saya, maka saya tidaklah bersedia memikul tugas yang begitu berat (Tunku Abdul Rahman, 1980).

Analisis TR terhadap Data (2) Ayat Tanya “Sekiranya kita tidak memberi faedah kepada mereka sama sekali adakah munasabah yang mereka hendak memberi bantuan kepada kita ?”

Data (2) “Sekiranya kita tidak memberi faedah kepada mereka sama sekali adakah munasabah yang mereka hendak memberi bantuan kepada kita?” dapat diperoleh dalam Ucapan Yang Dipertua UMNO pada 5 April 1953. Ungkapan yang mengandungi data (2) ini seperti di bawah:

- 1 Sekiranya kita tutup syarat-syarat kebolehan mengundi bagi orang-
- 2 orang yang bukan Melayu itu, tentu sekali bangsa asing tiada akan
- 3 bersetuju mengadakan pilihan raya ini, bagi pihak orang-orang
- 4 Melayu nescaya tangga yang mula untuk menuju kepada mahligai
- 5 kemerdekaan itu tiada tercapai.
- 6 Jawatankuasa kerja Agung UMNO telah menimbang hal ini
- 7 dengan sehalus-halus timbangannya dan mereka berpendapat
- 8 sekiranya kita berani berjuang kerana mencapai kemerdekaan mestilah
- 9 kita berani menerima syarat ini. Inilah suatu daripada pengorbanan
- 10 yang dikehendaki daripada orang-orang Melayu sekiranya orang-
- 11 orang Melayu bersetuju hendak mencapai kemerdekaan dengan cara
- 12 Perlembagaan. Hendaklah masing-masing ingat, kemerdekaan ini
- 13 hendak kita capai daripada tangan British dan bagi mencapainya kita
- 14 berkehendak bantuan daripada sekalian bangsa penduduk-penduduk
- 15 yang taat setia kepada negeri ini. **Sekiranya kita tidak hendak**
- 16 **memberi faedah kepada mereka sama sekali adakah munasabah**
- 17 **yang mereka hendak memberi bantuan kepada kita ?**

Data (2) ini diletakkan di bawah jenis ayat tanya. Seperti yang dikatakan oleh Asmah Hj Omar (1986) bahawa dalam ucapan bersifat politik, kadang-kadang pertanyaan itu hanya bertujuan mengesahkan perkara yang sudah diketahui oleh pihak pendengar. Begitulah juga bagi data (2) ini, kajian ini berpendapat bahawa apabila Tunku mengungkapkan “Sekiranya kita tidak memberi faedah kepada mereka sama sekali adakah munasabah yang mereka hendak memberi bantuan kepada kita?”, penggunaan ayat tanya Tunku ini sesuai digambarkan dalam pantun Melayu “sudah gaharu cendana pula, sudah tahu bertanya pula”. Jelas bahawa Tunku bukan mengharapkan jawapan

daripada pendengar sama ada menjawab “ya” atau “tidak” sebaliknya, ada maksud tersirat daripada pertanyaan ini. Sebab itulah, kajian ini berpendapat bahawa terdapat kewajarannya apabila Nor Hashimah Jalaluddin (1992a) mencadangkan keperluan melihat definisi imperatif dan interogatif semula dan tidak semata-mata mengikut penetapan nahu sahaja.

Dengan berdasarkan Kamus Dewan (2005), beberapa perkataan penting data (2) ini pada peringkat makna harfiah dikemukakan seperti berikut:

- Faedah – guna, manfaat
- Bantuan – sesuatu yang diberikan atau dilakukan untuk membantu, pertolongan, sokongan

Daripada kupasan makna linguistik beberapa perkataan penting di atas, kajian ini berpendapat bahawa ungkapan “Sekiranya kita tidak memberi faedah kepada mereka sama sekali adakah munasabah yang mereka hendak memberi bantuan kepada kita?” bermaksud “kalau saya dan kamu semua langsung tidak memberikan manfaat kepada pihak ketiga, apakah ada boleh diterima akal pihak ketiga ini mahu menyampaikan pertolongan kepada saya dan kamu semua ?” Kajian ini mendapati bahawa makna linguistik ini bukanlah makna sebenar yang ingin disampaikan oleh Tunku kerana makna linguistik ini masih kabur dalam konteks ujaran tersebut. Hal ini selaras dengan pendapat Nor Hashimah Jalaluddin (1992b) bahawa bentuk-bentuk logik (berdasarkan hasil kajian beliau) melahirkan makna ayat yang diujarkan tetapi banyak meninggalkan ketaksaan dan rujukan yang belum diselesaikan. Walau bagaimanapun, huraian makna linguistik ini dilihat sebagai satu keperluan kerana dapat membantu penginterpretasian makna implisitnya.

Bagi mendapatkan makna implisitnya, beberapa andaian pembaca terhadap data (2) ini muncul seperti di bawah;

- Andaian :
 - a. Kaum bukan Melayu akan menyokong rancangan kemerdekaan jika mereka diberi hak mengundi
 - b. Hubungan silaturahim penting
 - c. Kepentingan bersama haruslah dijaga

Selaras dengan pendapat Nor Hashimah Jalaluddin (2007) bahawa sesuatu ujaran akan terserlah maknanya jika penyingkapan maksud

ujaran tersebut dilakukan selapis demi selapis untuk memastikan interpretasi sebenar diperolehi. Dengan cara ini juga, hasil interpretasi makna akan lebih saintifik serta dapat dipertanggungjawabkan. Dengan ini kajian akan memberikan penumpuan terhadap beberapa frasa penting yang terdapat dalam data (2) ini yang menimbulkan kekaburan. Frasa penting yang dikemukakan adalah seperti di bawah;

- a. Siapakah yang dirujuk oleh kata ganti nama diri “kita”?
- b. Apakah yang dimaksudkan dengan “faedah”?
- c. Siapakah yang dirujuk oleh kata ganti nama diri “mereka”?
- d. (Apakah yang dimaksudkan dengan “bantuan”?)

Kesemua kekaburan di atas perlu dijelaskan sebagai langkah untuk mendapatkan makna yang sebenar. Tugas ini sudah tentu memerlukan pemahaman terhadap keseluruhan ucapan bagi mendapatkan gambaran yang jelas tentang konteks ucapan. Selepas itu, RRS diaplikasikan dengan mendapatkan rujukan yang tepat bagi menyelesaikan kekaburan yang timbul dalam ujaran tersebut. Konteks persekitaran dan pengalaman lampau pendengar/pembaca turut diambil kira. Secara umumnya, melalui “Ucapan Yang Dipertua UMNO, 5 April 1953” ini, Tunku menyatakan kemenangan Parti Perikatan (UMNO dan MCA) dalam pilihan Raya Daerah 1952. Tunku menjangka kemenangan akan dicapai dalam Pilihan raya Majlis Mesyuarat Undangan pula nanti. Tunku juga menyatakan bahawa syarat kebolehan mengundi bagi orang-orang bukan Melayu harus diberikan. Jika tidak, tangga yang mula menuju ke mahligai kemerdekaan itu tiada tercapai.

Sebagaimana dikatakan bahawa makna linguistik penting untuk mendapatkan makna implisitnya. Dalam rumus tatabahasa dikemukakan sebelum ini bahawa kata ganti nama diri “kita” merujuk kata ganti bagi orang yang bercakap serta sekalian yang hadir (mendengarnya), saya dan kamu semua. Jadi, “saya” dan “kamu semua” merujuk siapa? Apabila dirujuk kepada konteks (tajuk ucapan) iaitu “Ucapan Yang Dipertua UMNO pada 5 April 1953”, nama jawatan “Yang Dipertua UMNO” yang terdapat dalam tajuk ucapan dapat menjadi anteseden kepada kata ganti nama diri “saya”. Siapakah “Yang Dipertua UMNO” pada masa itu? Sejarah telah mencatatkan bahawa Tunku Abdul Rahman merupakan Yang Dipertua UMNO pada tahun itu. Pendengar lebih mengetahui bahawa “Tunku” yang dirujuk dengan kata ganti nama diri “saya” kerana mereka mendengar ucapan Tunku. Siapakah pula “pendengar ucapan” pada masa itu?

Melalui tajuk ucapan juga diketahui bahawa ucapan ini berkaitan dengan perhimpunan atau perjumpaan UMNO. Oleh hal demikian, pendengar utama sudah tentu ialah ahli-ahli UMNO. Dengan ini, kata ganti nama diri “kita” merujuk “Tunku (pengucap) dan ahli-ahli UMNO (pendengar)”. “Tunku” dan “ahli-ahli UMNO” sudah pasti orang Melayu.

Siapakah pula “mereka”? Mengikut rumus tatabahasa, “mereka” ialah kata ganti nama diri ketiga (untuk bilangan yang banyak) iaitu orang yang dipercakapkan. Dalam konteks ucapan ini, banyak pihak/orang yang dipercakapkan oleh Tunku iaitu “orang Cina (Baris 3), orang bukan Melayu (Baris 6), orang Melayu (Baris 14), dan British (Baris 17)”. Antara mereka ini, siapakah “orang yang dipercakapkan” oleh Tunku? Jika dirujuk kepada frasa “...memberi faedah kepada mereka...”, terdapat hubungan yang jelas antara “mereka” dengan “faedah”. Dengan kata lain, “mereka” mahu diberi “faedah”. Dengan ini, “faedah” perlu dicari rujukannya. Terlebih dahulu, perhatikan ujaran-ujaran terdahulu sebelum data (2) tersebut:

Sekiranya kita tutup syarat-syarat kebolehan mengundi bagi orang-orang yang bukan Melayu itu, tentu sekali bangsa asing tiada akan bersetuju mengadakan pilihan raya ini....(Baris 1-3)

...Sekiranya kita tidak memberi **faedah** kepada **mereka** sama sekali adakah munasabah yang mereka hendak memberi bantuan kepada kita ?”

Dalam konteks ucapan ini, dengan merujuk ujaran terdahulu, dapat dikesan bahawa “faedah” yang dimaksudkan ialah “syarat-syarat kebolehan mengundi”. Dengan ini, “mereka” yang mahu akan “syarat-syarat kebolehan mengundi” dapat diketahui iaitu “orang-orang yang bukan Melayu”. Dalam konteks di Tanah Melayu pada masa itu, golongan yang bukan Melayu boleh merujuk kaum Cina, India, orang Inggeris”. Maklumat ini sememangnya berada dalam pengetahuan sedia pembaca/pendengar. Jadi, frasa “sekiranya kita tidak memberi faedah kepada mereka...” bermaksud “Jika UMNO tidak memberikan hak kebolehan mengundi kepada orang-orang bukan Melayu...”

Apakah pula maksud “...mereka hendak memberi bantuan kepada kita?” Analisis RRS telah berjaya mengesan maksud yang dirujuk

oleh kata ganti nama diri “kita” dan “mereka” dalam huraian sebelum ini. Jadi, frasa “...mereka hendak memberi bantuan kepada kita” bermaksud “orang-orang bukan Melayu memberikan bantuan kepada UMNO”. Apakah bentuk “bantuan” dalam ujaran tersebut? Leksikal ini masih kabur dan perlu dijelaskan. Sebagaimana dinyatakan bahawa “bantuan” dari segi makna linguistik ialah “sesuatu yang diberikan atau dilakukan untuk membantu, pertolongan, sokongan”, jadi, “apakah bantuan atau sokongan?” yang diharapkan oleh Tunku. Pencarian anteseden kepada “bantuan” ini perlu dilakukan dengan mendapatkan premis tambahan yang dibekalkan oleh Tunku. Melalui RRS, anteseden kepada “bantuan” ini dapat dikesan dalam ujaran terdahulu. Perhatian ungkapan di bawah;

“Hendaklah masing-masing ingat, kemerdekaan ini hendak kita capai daripada tangan British dan bagi mencapainya kita berkehendak bantuan daripada sekalian bangsa penduduk-penduduk yang taat setia kepada negeri ini. sekiranya kita tidak hendak memberi faedah kepada mereka sama sekali adakah munasabah yang mereka hendak memberi bantuan kepada kita ? (Baris 10-15)

Dengan berdasarkan ungkapan di atas, jelaslah bahawa “bantuan” yang diharapkan oleh Tunku ialah “sokongan daripada sekalian bangsa penduduk-penduduk (bukan Melayu) yang taat setia kepada Tanah Melayu” agar menyokong usaha untuk mencapai kemerdekaan. Makna sebenar yang hendak disampaikan oleh Tunku ialah “kaum bukan Melayu akan menyokong rancangan kemerdekaan jika mereka diberi hak mengundi” juga didapati amat relevan jika dirujuk kepada konteks persekitaran. Di sini, peranan kognisi pendengar amat penting. Menurut Fatimah Subet (2010), dalam TR, pengetahuan sedia ada perlu untuk menghampiri makna yang hendak dikemukakan. Jadi, semasa Tunku mengungkapkan ujaran ini (Tarikh Ucapan: 5 April 1953), suasana di Tanah Melayu pada ketika itu belum merdeka lagi. Walau bagaimanapun, usaha ke arah kemerdekaan giat dijalankan oleh rakyat Tanah Melayu. Pada masa yang sama, isu-isu hak kerakyatan, hak mengundi dan isu-isu yang melibatkan kepentingan kaum masing-masing masih hebat dibincangkan. Isu-isu ini berada dalam pengetahuan sedia ada pendengar. Oleh hal demikian, apabila Tunku mengungkapkan “Sekiranya kita tidak memberi faedah kepada mereka sama sekali adakah munasabah yang mereka hendak memberi bantuan kepada kita?” Ungkapan ini tidak sukar diproses untuk mendapatkan makna yang sebenar. Hal ini kerana andaian (a) berjaya diperkukuh

oleh konteks persekitaran yang membekalkan pengetahuan sedia ada kepada pendengar untuk menginterpretasi makna data (2) ini. Penguatan maklumat telah berlaku terhadap andaian oleh konteks persekitaran dan pengetahuan sedia ada pendengar sehingga berjaya menimbulkan kesan konteks yang tinggi, hasilnya usaha memproses data (2) ini adalah rendah. Oleh itu, andaian (a) telah dikenal pasti sebagai makna implisit.

Kesimpulannya bahawa melalui usaha penginterpretasian selapis demi selapis, bermula dengan pemahaman terhadap makna linguistik, kemudian penganalisisan melalui RRS bagi mencari anteseden yang diperlukan bagi menyelesaikan kekaburan yang timbul terhadap frasa-frasa penting dalam sesuatu ujaran. Maka, didapati bahawa makna sebenar yang ingin disampaikan oleh Tunku melalui data (2) ini ialah andaian (a) iaitu “kaum bukan Melayu akan menyokong rancangan kemerdekaan jika mereka diberi hak mengundi” kerana andaian ini paling hampir dengan konteks ujaran. Apabila andaian (a) ini dihubungkan dengan maklumat tambahan khususnya ujaran terdahulu dan ujaran wujud selepasnya, ternyata dapat menimbulkan kesan kognitif yang tinggi. Dengan ini, andaian-andaian yang lain yang tidak sesuai dengan konteks ujaran digugurkan. Pengguguran ini juga akan menguatkan andaian (a) sebagai makna yang sebenar. Perkara ini ditekankan oleh Sperber & Wilson (1986) (dalam Nor Hashimah Jalaluddin, 1990:454) bahawa apabila andaian baharu dan lama bertentangan atau bercanggah, andaian yang paling lemah digugurkan. Lebih banyak andaian yang digugurkan, maka ujaran itu menjadi semakin kuat dan bertambah relevan. Begitulah juga dengan data (2) ini, pada peringkat harfiahnya data tersebut sememangnya dilihat sebagai ayat tanya tetapi setelah makna sebenar diperoleh secara pragmatik, didapati bahawa data (2) ini bukan berfungsi sebagai ayat tanya sebaliknya sebagai ayat penyata.

Sebenarnya, makna ujaran Tunku “Sekiranya kita tidak memberi faedah kepada mereka sama sekali adakah munasabah yang mereka hendak memberi bantuan kepada kita?” ini diulangi oleh Tunku (1980) dalam buku “Pandang balik”;

Saya memberi ingat kepada orang Melayu jika mereka tidak mengalah dalam hal ini, maka betapakah mereka dapat berharap akan mendapat sokongan daripada bangsa-bangsa lain untuk mencapai kemenangan bagi parti dan cita-cita Kemerdekaan bagi Tanah Melayu?”

Seruan Tunku nampaknya berhasil kerana menurut Tunku (1980), kedua-dua kaum yang merupakan suara majoriti daripada penduduk telah mencapai persetujuan kukuh bagi memperoleh kemerdekaan... kaum Cina merasa senang dengan keadaan itu dan ‘mempunyai keyakinan yang besar terhadap pimpinan bangsa Melayu yang diketuai oleh Tunku Abdul Rahman’.

Persoalan Tunku di atas juga terjawab dengan kemenangan Parti Perikatan dalam Pilihan Raya Persekutuan pada tahun 1955. Kepentingan kerjasama antara kaum di Tanah Melayu untuk mencapai kemerdekaan ini digambarkan oleh Tunku ketika menyatakan kemenangan Parti Perikatan dalam Pilihan Raya Persekutuan melalui ungkapan berikut;

“...kemenangan itu bererti kerjasama antara orang Melayu dengan Cina dalam lingkungan politik yang dapat diamalkan telah tercapai.... Mereka insaf bahawa perpaduan politik Cina-Melayu akan dapat dicapai melalui kerjasama politik, dan perpaduan ini akan bertindak sebagai batu asas bagi perpaduan Tanah Melayu” (Tunku Abdul Rahman, 1980).

Begitu juga dalam Shamsul Baharin (1972), beliau menyatakan satu perkara yang tak kurang nilainya daripada kemerdekaan kita ialah perpaduan rakyatnya. Melalui perpaduan Melayu, Cina dan India kita telah mendapat kemerdekaan.

Analisis TR terhadap Data (3) Ayat Perintah “Janganlah kita semua lupa bahawa tatkala tanah melayu mencapai kemerdekaan dahulu, kejayaan itu bukanlah dengan sebab usaha satu orang, ataupun satu kumpulan, ataupun satu kaum sahaja”.

Data (3) ini dikesan dalam “Ucapan YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Yang Dipertua UMNO, di Persidangan Agung UMNO pada 6 September 1964”. Ungkapan yang mengandungi data (3) ini seperti berikut;

1 **Janganlah kita semua lupa bahawa tatkala Tanah Melayu mencapai**
 2 **kemerdekaan dahulu, kejayaan itu bukanlah dengan sebab usaha**
 3 **satu orang, ataupun satu kumpulan, ataupun satu kaum sahaja....**

4 Dengan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu ini pun orang-orang
 5 Melayu tidak mendapat apa-apa kerana kuasa masih di tangan Inggeris...
 6 Banyak orang-orang kenamaan Melayu yang sedar akan kejadian itu
 7 dan bimbang keadaan yang lebih buruk akan timbul. Mereka berganding
 8 bahu dengan rakyat jelata, meletakkan jawatan-jawatan dan pangkat-
 9 pangkat mereka dalam Kerajaan dan mengorbankan kedudukan yang
 10 lebih tinggi yang mereka akan dapat, dan menyusun balik UMNO.
 11 Peristiwa ini telah mengubah aliran sejarah Tanah Melayu kerana
 12 rakyat sekalian telah berpaling menyokong ketua-ketua baharu itu dan
 13 bersama-sama berjuang untuk mencapai azam mereka yang baharu iaitu
 14 Merdeka.

15 Selain dari itu, ada pula orang-orang Cina terutamanya mereka
 16 yang tidak memandang kepada negara lain selain negeri ini dan
 17 memandang negeri ini sebagai tanah air mereka. Mereka sedar apa
 18 yang sedang berlaku. Mereka berkata kepada diri mereka “kalau bukan
 19 pun kita orang Melayu, kita tetap orang Malaya yang mensifatkan
 20 negeri ini sebagai tanah air kita, jadi marilah kita bersama-sama
 21 berjuang untuk kemerdekaan. Jadi di bawah Dato’ Tan Cheng Lock,
 22 orang-orang Cina juga telah menyahut seruan kemerdekaan itu, dan
 23 datang kepada UMNO untuk bersama-sama kita.

24 Orang-orang India di Tanah Melayu telah juga sedar di atas
 25 semangat kebangsaan itu. Mereka juga dapat saksikan apa yang akan
 26 berlaku dan mereka pun ikut bersama dengan kita. Kemudian dari itu,
 27 ketiga-tiga kumpulan ini telah menuju kepada satu matlamat, bekerja
 28 bersama dalam Perikatan sehingga mencapai kemerdekaan.

29 Saya mengingatkan balik semua peristiwa-peristiwa yang
 30 bersejarah ini pada waktu ini kerana adalah menjadi pengajaran
 31 yang berguna kepada kita dalam Malaysia yang baharu ini untuk
 32 mengingatkan bahawa sebagaimana yang telah saya tegaskan tadi,
 33 penubuhan Tanah Melayu bukanlah hasil usaha satu orang, atau
 34 satu-satu kumpulan, atau satu-satu kaum, bahkan dengan usaha dan
kerjasama semua pihak.

Data (3), iaitu “Janganlah kita semua lupa bahawa tatkala Tanah Melayu mencapai kemerdekaan dahulu, kejayaan itu bukanlah dengan sebab usaha satu orang, ataupun satu kumpulan, ataupun satu kaum sahaja” pada peringkat nahu sesuai diletakkan di bawah ayat perintah. Menurut Nik Safiah Karim et al. (2008), ayat perintah ialah ayat yang digunakan dengan tujuan untuk menimbulkan sesuatu tindakan. Ayat

perintah boleh dibahagikan kepada empat jenis iaitu ayat suruhan; ayat larangan; ayat silaan, dan ayat permintaan. Ayat larangan ialah ayat yang menggunakan kata larangan seperti jangan, usah, atau tak usah sebelum kata kerja dengan tujuan menegah seseorang melakukan sesuatu.

Beberapa perkataan atau frasa penting yang terdapat dalam data (3) dikemukakan dari segi makna harfiahnya berdasarkan Kamus Dewan (2005);

Usaha	–	daya upaya (ikhtiar, kegiatan, perbuatan, dan lain-lain) untuk mencapai melaksanakan, menyempurnakan) sesuatu.
Bukanlah	–	sebenarnya tidak, berlainan daripada yang sebenarnya.
Kumpulan	–	kelompok (orang, binatang, dan lain-lain) yang agak besar, himpunan
Kaum	–	puak, suku, bangsa

Dengan berdasarkan definisi yang diberikan pada peringkat nahu, maka frasa “janganlah kita semua lupa” dalam data (3) sudah cukup membuktikan data (3) sebagai ayat perintah jenis larangan. Dari segi makna linguistik, ayat perintah ini bermaksud “saya dan kamu semua dilarang daripada lupa bahawa kejayaan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan dahulu bukanlah dengan sebab daya upaya satu orang, ataupun satu kumpulan atau satu bangsa sahaja”. Sebagai pengetahuan sedia ada atau pengalaman pendengar, ayat larangan ini diujarkan bertujuan untuk menegah pendengar melakukan sesuatu perbuatan (selalunya perbuatan yang tidak baik atau mendatangkan kemudaratan). Dalam konteks ujaran, adakah berlaku sesuatu yang tidak baik sehingga “larangan” ini dikeluarkan? Adakah benar-benar berlaku “saya dan kamu semua telah lupa?” sehingga penutur perlu mengujarkan “janganlah kita semua lupa?” “Apakah perkara yang sangat penting?” sehingga dilarang daripada melupainya?

Memandangkan makna linguistik tidak dapat memaparkan makna yang sebenar, maka usaha tambahan perlu dilakukan dengan merujuk premis-premis tambahan yang dibekalkan dalam ujaran agar makna yang sebenar dapat diperoleh. Hal ini selaras dengan pendapat Sperber & Wilson (1986) (dalam Nor Hashimah Jalaluddin, 1992a:883) yang menyatakan bahawa jika kita melihat ayat itu dari sudut semantik

semata-mata, hasilnya tidak memuaskan kerana pendefinisian yang terhad kerana semantik amat terikat pada kekangan nahu sedangkan dalam menyatakan sesuatu perintah atau pertanyaan, banyak faktor terlibat iaitu selain faktor nahu, faktor bukan nahu (faktor kehendak) juga terlibat.

Bagi membantu mendapatkan makna implisit ayat ini, kajian ini mengemukakan maklumat dan ringkasan ucapan. Dengan berdasarkan tarikh ucapan iaitu 6 September 1964, diketahui bahawa Malaysia telah terbentuk. Dalam ucapan, Tunku mengimbas kembali kejayaan negara kita mendapatkan kemerdekaan. Menurut Tunku, kita berazam tidak akan tunduk kepada sebarang bahaya atau sebarang rupa ancaman. Kita mesti pertahankannya, kita mesti tabah hati dalam menjalankan kewajipan kita terhadap negara dan tidak membiarkan diri kita dikelirukan oleh soal-soal perkauman. Kita janganlah cuma mengingatkan hal-hal kehidupan dan kesihatan, kebahagiaan dan keamanan, keselamatan dan kesenangan yang dapat diberi oleh negeri ini sahaja, tetapi mestilah kita menaruh rasa taat setia dan kasih sayang yang tidak berbelah bahagi kepada negara baharu ini. Untuk mencapai tujuan ini, kita tidak boleh sekali-kali berpecah dan berpuak-puak dan kita mesti mempunyai tujuan yang satu seperti yang pernah kita capai dalam menuntut kemerdekaan dahulu.

Bagi mendapatkan makna implisit ayat ini, maka dikemukakan andaian-andaian pembaca terhadap ujaran tersebut;

- Andaian: a. Rakyat pelbagai kaum harus ingat bahawa kejayaan mendapatkan kemerdekaan merupakan hasil usaha semua pihak.
- b. Kejayaan tidak akan tercapai jika hanya bilangan kecil terlibat.

Andaian-andaian di atas merupakan jangkaan pendengar terhadap ujaran penutur. Hal ini kerana menurut Soenjono Dardjowidjojo (2007), dalam beberapa hal, kadang-kadang kita menemukan ayat yang bermakna lebih daripada satu yang umumnya disebut sebagai ayat yang taksa. Dari segi pemprosesan untuk pemahaman, ayat yang taksa memerlukan waktu yang lebih lama untuk diproses. Hal ini kerana pendengar meneka makna tertentu.

Dalam usaha mendapatkan andaian yang paling relevan, beberapa ungkapan atau leksikal yang kabur dalam data (3) ini perlu dijelaskan, antaranya;

- a. Siapakah yang dirujuk dengan kata ganti nama diri “kita”?
- b. Apakah yang dimaksudkan dengan “bukanlah dengan sebab usaha satu orang, ataupun satu kumpulan, ataupun satu kaum”?

Mengikut rumus tatabahasa, kata ganti nama diri “kita” ialah kata ganti bagi orang yang bercakap serta sekalian yang hadir (mendengarnya), saya dan kamu semua. Anteseden kepada kata ganti nama diri “kita” dapat dikesan melalui konteks. Dengan berdasarkan tajuk ucapan iaitu “Ucapan YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Yang Dipertua UMNO, di Persidangan Agung UMNO pada 6 September 1964” amat jelas tentang konteks persekitaran pada masa itu kepada pembaca/pendengar bahawa orang yang menyampaikan ucapan ialah “Tunku Abdul Rahman”. Ucapan ini disampaikan dalam Persidangan Agung UMNO, maka yang hadir pastilah ahli-ahli UMNO sebagai pendengar utama. Jadi, “kita” merujuk “Tunku dan ahli-ahli UMNO”.

Apakah yang dimaksudkan dengan “bukanlah dengan sebab usaha satu orang, ataupun satu kumpulan, ataupun satu kaum”? Penggunaan kata nafi “bukan” kepada frasa berikutnya telah menafikan maksud frasa tersebut. Hal ini kerana menurut Abdullah Hassan (2002), kata nafi adalah untuk menafikan apa-apa yang ada pada cerita atau predikat. Oleh hal demikian, frasa “dengan sebab usaha satu orang, ataupun satu kumpulan, atau satu kaum” dilihat sebagai suatu pernyataan yang tidak benar. Jika dilihat maksud di sebalik penafian itu, maka frasa “...bukan satu” membawa maksud “lebih daripada satu atau banyak lagi”. Dengan ini, mereka mendapati bahawa frasa “bukanlah dengan sebab usaha satu orang, ataupun satu kumpulan, satu kaum?” boleh membawa maksud “dengan sebab usaha lebih daripada satu orang, ataupun lebih daripada satu kumpulan atau lebih daripada satu kaum” yakni bermaksud “banyak pihak terlibat”. Jika begitu, “siapakah orang, kumpulan mana, atau kaum mana” yang terlibat?

Dengan berpandukan analisis TR yang menekankan peranan konteks dalam penginterpretasian makna kerana konteks menyediakan rujukan kepada pendengar untuk menyelesaikan kekaburan makna, maka, dengan merujuk konteks yang dibekalkan oleh Tunku, “mereka yang terlibat ini” jelas dalam ujaran wujud selepasnya kerana dalam ujaran-ujaran tersebut, Tunku menyatakan peranan yang dimainkan oleh ketiga-tiga kaum di Tanah Melayu. Ujaran-ujaran yang wujud selepasnya ini telah menjadi rujukan kepada penyelesaian kekaburan

tentang “orang, kumpulan, dan kaum” yang terlibat mencapai kemerdekaan. Peranan setiap kaum yang dinyatakan oleh Tunku dijelaskan seperti di bawah;

Ujaran Wujud Selepas data (3)

...Banyak orang-orang kenamaan Melayu ... yang Mereka berganding bahu dengan rakyat jelata... menyusun balik UMNO... bersama-sama berjuang untuk mencapai azam mereka yang baharu iaitu Merdeka (Baris 6-14).

orang-orang Cina ... memandang negeri ini sebagai tanah air mereka. Jadi di bawah Dato’ Tan Cheng Lock, orang-orang Cina juga telah menyahut seruan kemerdekaan itu, dan datang kepada UMNO untuk bersama-sama kita (Baris 15-20).

Orang-orang India di Tanah Melayu telah juga sedar di atas semangat kebangsaan itu. ... mereka pun ikut bersama dengan kita. Kemudian dari itu, **ketiga-tiga kumpulan ini telah menuju kepada satu matlamat, bekerja bersama dalam Perikatan sehingga mencapai kemerdekaan** (Baris 24-28).

Data 3

Janganlah kita semua lupa bahawa tatkala Tanah Melayu mencapai kemerdekaan dahulu, kejayaan itu **bukanlah** dengan sebab usaha **satu orang**, ataupun **satu kumpulan**, ataupun **satu kaum sahaja**.

Dengan merujuk ujaran-ujaran wujud selepasnya di atas, penafian bahawa “bukanlah dengan sebab usaha satu orang, ataupun satu kumpulan, ataupun satu kaum sahaja” ada kebenarannya kerana Tunku membuktikan banyak terlibat dalam ujaran wujud selepas data (3) itu. Ujaran-ujaran yang wujud selepasnya ini mengandungi anteseden kepada siapakah “orang, kumpulan, kaum” yang terlibat bersama-

sama untuk mencapai kemerdekaan. Anteseden yang dimaksudkan ialah “orang-orang kenamaan Melayu, orang Melayu, orang Cina, pemimpin Cina (Tan Cheng Lock), Orang India”. Walaupun tidak disentuh secara langsung dalam ujaran tersebut, pendengar juga mengetahui bahawa ada pihak lain terlibat iaitu, Tunku sendiri, kumpulan politik selain UMNO, MCA, dan MIC kerana semua ada ini berada dalam pengalaman atau pengetahuan sedia ada pembaca/pendengar. Kesemua anteseden ini diperoleh dalam konteks yang dibekalkan oleh Tunku melalui analisis RRS dan sebahagian lagi diproses dalam kognisi pendengar terhadap konteks persekitaran.

Dengan kupasan selapis demi selapis yang dilakukan dengan RRS, maka makna sebenar bagi data (3) “Janganlah kita semua lupa bahawa tatkala Tanah Melayu mencapai kemerdekaan dahulu, kejayaan itu bukanlah dengan sebab usaha satu orang, ataupun satu kumpulan, ataupun satu kaum sahaja” sebagaimana dalam andaian (a) rakyat pelbagai kaum harus ingat bahawa kejayaan mendapatkan kemerdekaan merupakan hasil usaha semua pihak. Andaian ini didapati kukuh sekali apabila dirujuk kepada ujaran yang wujud selepasnya iaitu:

...penubuhan Tanah Melayu bukanlah hasil usaha satu orang, atau satu-satu kumpulan, atau satu-satu kaum, bahkan dengan usaha dan kerjasama semua pihak (Baris 32-34).

Dalam ujaran wujud selepasnya di atas, Tunku telah menyimpulkan bahawa “bukanlah hasil usaha satu orang, atau satu-satu kumpulan, atau satu-satu kaum” sebagai “dengan usaha dan kerjasama semua pihak”. Maklumat tambahan ini apabila dihubungkan dengan andaian (a) sudah tentu dapat menimbulkan kesan kognitif yang tinggi. Jadi, penggabungan andaian (a) dengan maklumat baharu ini berjaya mengesahkan andaian (a) merupakan paling relevan dalam konteks.

Pengetahuan sedia ada pendengar juga dapat menjadi rujukan kepada penginterpretasian makna data (3) ini. Hal ini kerana ujaran Tunku melalui data (3) merupakan ujaran yang berkaitan dengan peristiwa yang telah berlalu, iaitu semasa kemerdekaan. Oleh itu, peristiwa yang telah berlalu ini telah menjadi maklumat sejarah atau pengalaman lampau pendengar. Pendengar mempunyai pengalaman ketika menyaksikan rombongan rundingan kemerdekaan ke London yang terdiri daripada pelbagai kaum. Ada antara rakyat Tanah Melayu yang terdiri daripada berbilang kaum menghantar rombongan

rundingan yang diketuai oleh Tunku ke London di pelabuhan Singapura dan menyambut kepulangan rombongan dari London di Melaka. Pendengar juga mempunyai pengetahuan sedia ada tentang kerjasama antara kaum, khususnya bidang politik sebelum merdeka lagi, iaitu Parti Perikatan yang terdiri daripada parti pelbagai kaum sehingga membawa kejayaan dalam Pilihan Raya Persekutuan 1955. Pengetahuan sedia ada pendengar ini membekalkan konteks yang amat baik bagi membantu pendengar mendapatkan makna yang sebenar bagi data (3). Melalui penguatan maklumat, andaian (a) bagi data (3) di atas telah diperkukuh oleh pengetahuan sedia ada pendengar. Oleh itu, usaha memproses data (3) ini amatlah rendah. Dengan ini, andaian (a) merupakan makna yang ingin disampaikan oleh Tunku.

Selain pengetahuan sedia ada dapat menguatkan andaian di atas, kajian ini juga mendapati bahawa konteks persekitaran fizikal yang paling dekat juga dapat memperkukuh andaian tersebut. Semasa Tunku mengungkapkan data (3), persekitaran fizikal pada masa itu ialah Malaysia telah terbentuk. Rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum telah menerima hakikat bahawa Malaysia merupakan negara bermasyarakat majmuk. Kerajaan dibentuk daripada Parti Perikatan yang terdiri daripada UMNO, MCA dan MIC. Ketiga-tiga kaum ini bekerjasama dalam pentadbiran negara. Tidak wujud mana-mana pihak yang menafikan sumbangan parti lain dalam pentadbiran. Konteks persekitaran ini mempunyai konteks yang sama dengan andaian (a). Oleh itu, makna implisit bagi data (3) ini amat mudah diperoleh kerana usaha memprosesnya amat rendah. Sekali lagi kita dapat lihat bahawa penguatan maklumat berlaku antara andaian dengan persekitaran fizikal semasa ujaran disampaikan.

Dengan berdasarkan analisis TR, kajian ini berpendapat bahawa penggunaan kata larangan “janganlah” dalam data (3) tidak semestinya membawa maksud tegahan atau larangan. Ayat perintah yang diperlihatkan dalam bentuk linguistik tersebut bukanlah tujuan yang sebenarnya, sebaliknya Tunku ingin menyampaikan atau menyatakan harapan agar rakyat menghargai sumbangan dan kerjasama antara kaum dalam usaha mencapai kemerdekaan. Hal ini selaras dengan pendapat Arbak Othman (1981) yang menyatakan ayat perintah juga berfungsi sebagai pernyataan harapan dengan mengemukakan ayat perintah yang menggunakan kata larangan “jangan” dan partikel “lah”.

Kesimpulannya, kajian ini mendapati bahawa makna implisit bagi data (3) ini mudah diperoleh pendengar kerana banyak bukti melatarinya. Bukti-bukti ini bukan sahaja dapat dikesan daripada ujaran wujud selepasnya, malah konteks persekitaran dan pengetahuan

sedia ada turut memperkukuh kesemua andaian yang dikemukakan sebagai andaian yang paling relevan, sekaligus menafikan andaian (b) “kejayaan tidak akan tercapai jika hanya bilangan kecil terlibat” lalu andaian (b) ini digugurkan.

Sebenarnya, sumbangan pelbagai pihak dalam usaha mencapai kemerdekaan ini jelas melalui ucapan Tunku yang bertarikh 31 Ogos 1969 ketika menyambut Ulang Tahun Kemerdekaan Malaysia dengan menyatakan bahawa:

Kita semua mestilah sedar dan insaf bahawa dengan usaha kesemua kaum yang ada di negara ini, maka negara kita telah mencapai kemerdekaan (Tunku Abdul Rahman, 1969).

Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, dapatlah dikatakan bahawa Tunku telah membekalkan konteks yang mencukupi bagi pendengar/pembaca memahami teks ucapan yang disampaikan. Hal ini kerana setiap ujaran implisit mempunyai konteks atau bukti-bukti yang melatarinya. Konteks ini bukan sahaja dapat dikesan daripada ujaran terdahulu, ujaran wujud selepasnya malah konteks persekitaran dan pengetahuan sedia ada turut memperkukuh andaian awal yang dikemukakan. Ujaran implisit dalam teks ucapan meskipun memerlukan usaha tambahan untuk diproses sebelum mendapatkan makna sebenar, namun usaha ini dilihat berbaloi kerana makna yang didukungnya lebih berkesan untuk mencapai tujuan komunikasi. Penggunaan ujaran implisit dalam pelbagai bentuk ayat juga dikesan mempunyai maksud lain dan bukan semata-mata mengikut definisi yang diberikan pada peringkat nahu. Hal ini diketahui selepas penganalisan secara selapis demi selapis dilakukan terhadap ayat-ayat tersebut dengan menggunakan TR.

Rujukan

- Abdullah Hassan. (2002). *Tatabahasa bahasa Melayu: Morfologi dan sintaksis untuk guru dan pelajar*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (2002). *Tesaurus Bahasa Melayu*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.

- Ahmad Mahmood Musanif. (1998). *Tanya-jawab dalam novel "SALINA" karangan A. Samad said: Satu kajian berdasarkan teori lakuan pertuturan*. Tesis Ph.D. Universiti Malaya. Diakses daripada <http://studentsrepo.um.edu.my/1420> (dalam talian: 22 Mac 2014).
- Ahmad Mahmood Musanif. (2000). *Konsep pertanyaan berdasarkan teori lakuan pertuturan Melayu*. *Dewan Bahasa Jurnal Bahasa*, 44(12), 1318-1329.
- Arbak Othman. (1981). *Tatabahasa bahasa Melayu: Suatu Pembaharuan*. Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise.
- Armin Azhari Saleh. (2004, Julai). Tunku Abdul Rahman pejuang bahasa. *Dewan Bahasa*, 4(7), 63.
- Asmah Haji Omar. (1986). *Bahasa dan alam pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fatimah Subet. (2010). *Interpretasi makna bahasa figuratif sebagai cerminan emosi: Satu analisis teori relevans*. Tesis Ph.D. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamus Dewan. (2005). Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maslida Yusof. (2007). Pragmatik. Dlm. Zulkifley Hamid, Ramli Md. Salleh & Rahim Aman (pnyt.). *Linguistik Melayu*, hlm 197-215. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Muhammad Fauzi Jumingan. (2003). *Penterjemahan bahasa figuratif Arab-Melayu: Satu analisis teori relevans*. Tesis Ph.D. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Salih Samak. (1980). *Ilmu Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Musa & Abdul Hamid Mahmood (2008). *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (1990). Semantik dan pragmatik dalam Teori Relevans. *Jurnal Dewan Bahasa*, 34(6), 450-459.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (1991). Keimplisitan ujaran: Satu analisis Teori Relevans. *Jurnal Dewan Bahasa*, 35(6), 474-483.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (1992a). Imperatif dan interogatif: Satu definisi semula. *Jurnal Dewan Bahasa*, 36(9), 882-891.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (1992b). *Semantik dan pragmatik: Satu pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2007). *Bahasa dalam perniagaan: Satu analisis semantik dan pragmatik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shamsul Baharin. (1972). *Malaya dan tawarikh dunia*. Penang: Sinaran Bros Sdn. Bhd.
- Siti Hajar Abdul Aziz. (2009). *Siri pendidikan guru: Bahasa Melayu II*. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.

- Soenjono Dardjowidjojo. (2007). *Psikolinguistik: memahami asas pemerolehan bahasa*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Tunku Abdul Rahman (1980). *Pandang Balik*. Petaling Jaya: Heinemann Educational Books (Asia) Ltd.
- Zaiton Ismail. (2003, Januari). Bahasa berirama dari sudut pandangan teori lakuan bahasa, teori Grice dan Teori Relevans. *Dewan Bahasa* 3(1), 36-43.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2006). *Memahami pertuturan kanak-kanak melalui analisis pragmatik*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.